



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAJET 2023 KEMENTERIAN KERJA RAYA

KUALA LUMPUR – Kementerian Kerja Raya menyambut baik pengumuman Bajet 2023 bertemakan **Membangun Malaysia MADANI** yang memberi fokus kepada 12 ikhtiar utama berlandaskan tiga tekad iaitu **Pemacuan ekonomi yang terangkum dan mampan, Reformasi institusi dan tatakelola bagi memulih keyakinan dan Keadilan sosial untuk menyederhana kesenjangan.**

Secara keseluruhan, Kementerian Kerja Raya (KKR) menerima **RM8.439 bilion peruntukan bagi tahun 2023**, iaitu **kenaikan 15 %** berbanding RM7.306 bilion yang diterima pada tahun 2022. Jumlah **bajet mengurus** KKR yang diluluskan adalah sebanyak **RM865.27 juta** iaitu **kenaikan sebanyak 5.07%** berbanding RM823 juta yang diterima untuk tahun 2022. Manakala **bajet pembangunan** tahun 2023 yang diluluskan adalah sebanyak **RM7.573 bilion** berbanding RM6.483 bilion pada tahun 2022.

Menerusi bajet 2023 Kerajaan komited meneruskan dan menyegerakan pelaksanaan lebuh raya Pan Borneo Sabah dan Sarawak Sabah Link Road yang dianggarkan melibatkan kos keseluruhan RM20 bilion ringgit dengan jajaran lebih daripada 1,000 kilometer.

Bajet 2023 menyaksikan usaha Kerajaan menyegerakan projek penyenggaraan prasarana infrastruktur rakyat melibatkan:

1. Peruntukan RM2.7 bilion ringgit untuk menyenggara dan menaik taraf jalan persekutuan.
2. RM300 juta disediakan khusus untuk kontraktor G1 hingga G4 bagi melaksanakan projek penyenggaraan kecil Jalan Persekutuan.
3. RM100 ribu diperuntukkan untuk Jurutera Daerah bagi setiap daerah untuk pemberian segera jalan-jalan berlubang berdasarkan aduan rakyat yang diterima.
4. RM50 juta disediakan untuk segera memasang lampu-lampu jalan khususnya di kawasan berkemalangan tinggi.

Peruntukan secara one-off sebanyak RM10.7 juta bagi Penyenggaraan Bangunan dan RM9.4juta bagi pembelian sebuah feri baru di Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan turut diperuntukan kepada KKR dalam Bajet 2023. Pembelian feri baru ini bakal memberi manfaat 30 ribu penduduk setempat sebagai pengangkutan keluar masuk Pekan Pengkalan Kubor, Kelantan dan Pekan Takbai, Narathiwat Thailand.

KKR turut menyokong usaha Kerajaan dalam meningkatkan industri pelancongan menerusi pelaksanaan projek infrastruktur awam bagi menangani isu kesesakan jalan raya di lokasi tumpuan pelancong seperti berikut:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 WWW.KKR.GOV.MY 📧 PRO@KKR.GOV.MY 🌐 KEMENTERIAN KERJA RAYA 🌐 KKR_MALAYSIA 🌐 @MOWORKS 🌐 KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

- i. membina jalan baharu dari Habu ke Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang dengan kos sebanyak RM480 juta.
- ii. menaik taraf Jalan Tun Hamzah ke persimpangan Semabok Lebuh AMJ Daerah Melaka Tengah dengan kos sebanyak RM300 juta.
- iii. membina jalan dan jambatan Sungai Sepang bagi menghubungkan Bukit Pelandok, Port Dickson dan Sungai Pelek, Sepang dengan kos projek RM160 juta.
- iv. menambah baik kemudahan jaringan lebuhraya ke Pengerang melalui pembinaan lorong memotong di Senai Desaru Expressway.
- v. menaik taraf Lebuhraya Utara Selatan dari Yong Peng Utara ke Senai Utara - Fasa 1, Johor daripada empat kepada enam lorong dengan kos RM525 juta secara berfasa.

Merealisasikan pamacuan ekonomi yang terangkum dan mampan KKR akan terus mengambil inisiatif-inisiatif yang selari dengan hasrat Kerajaan untuk mengimbangi pertumbuhan dengan **konsolidasi fiskal yang mempunyai impak secara langsung kepada rakyat, penggiat industri pembinaan dan pembangunan sektor pembinaan** itu sendiri bagi menghadapi cabaran ketidaktentuan ekonomi global.

Ternyata, komitmen kerajaan jelas dalam memastikan kesejahteraan dan kemakmuran negara terus diberi keutamaan manakala agenda pertumbuhan ekonomi negara terus diperkasa dan diberi sokongan dalam fasa pemulihan dan pertumbuhan ini.

KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

25 FEBRUARI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 WWW.KKR.GOV.MY 📧 PRO@KKR.GOV.MY 🌐 [KEMENTERIAN KERJA RAYA](#) 🌐 [KKR_MALAYSIA](#) 🌐 [@MOWORKS](#) 🌐 [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](#)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur